

29 SEP 2003

IQJ-STATUS/I

IQJ PERCEPAT MALAYSIA KE ARAH STATUS DUNIA PERTAMA

CYBERJAYA, 29 Sept (Bernama) -- Makmal penyelidikan dan pembangunan futuristik InventQjaya (IQJ) yang akan dilancarkan tidak lama lagi di sini bersedia untuk mempercepatkan kemaraan Malaysia ke arah status dunia pertama.

Pusat berkenaan akan bertindak sebagai pusat serantau bagi penyelidikan dan pengkomersialan teknologi.

Semasa bercakap pada sidang media di sini, saintis Amerika Syarikat yang pernah memenangi anugerah, Dr Sadeg Mustafa Faris, menegaskan bahawa misi utama IQJ ialah membawa semangat Thomas Edison di sini dan bagi memastikan kejayaan Wawasan 2020.

Dr Sadeg ialah pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Reveo Inc yang berpangkalan di New York, yang mendirikan IQJ bagi pihak kerajaan Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan makmal mega beroreintasikan penciptaan itu pada 11 Okt ini.

Dr Sadeg berkata aktiviti teras IQJ akan tertumpu kepada proses revolusi InventQbation yang secara khusus untuk mencipta, membuat penemuan dan inovasi industri global baru yang akan berkembang kepada perbadanan dominan bagi ekonomi pengetahuan masa depan Malaysia.

"Kami akan menggalakkan saintis Malaysia di seberang laut untuk kembali dan menyertai kami dalam misi kami untuk mengubah Malaysia kepada pencipta yang ulung di samping mengekalkan nilai-nilai tempatan," kata beliau.

Beliau berkata kemajuan IQJ adalah daripada makmal yang berkembang secara pantas, yang Dr Mahathir dan Reveo telah lancar pada Januari tahun ini bagi menguji kemampuan dan kredibiliti Reveo dalam membina kemudahan tetap termasuk pemindahan lapan teknologi Reveo dari Amerika Syarikat, penubuhan struktur makmal serta mengambil bekerja dan melatih 23 saintis dan juruteknik tempatan.

Dr Sadeg berkata semasa lawatan ke makmal Reveo di New York, Dr Mahathir menunjukkan minat yang mendalam dalam model InventQbation syarikat.

"Model ini konsisten dengan konsep Wawasan 2020 Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya. Itulah sebabnya kehadiran kami di sini," kata beliau. -- BERNAMA

TNS TJK NHD